



Ucapan Salam dalam Bahasa Melayu

馬來語的問候語

マレー語の挨拶言葉

Malay Greetings

Ko ngā Mihimihi Malay

文 | Lim Sok Swan 林士粧 (台灣大學人類學系碩士生)

Jika hendak mengucap salam dalam Bahasa Melayu pada pertemuan, 'apa khabar' merupakan penggunaan kata yang sesuai. 'Apa' ialah kata pertanyaan manakala 'khabar' bermaksud 'berita atau keadaan'. Contohnya surat khabar merupakan 'surat atau bahan pencetakan yang mengandungi berita'. Oleh itu, 'apa khabar' difahamkan sebagai ucapan salam yang ingin bertanya tentang keadaan semasa seseorang.

Jika hendak menjawab pertanyaan ini, 'khabar baik' biasa digunakan. Khabar baik bermaksud 'keadaan saya baik' atau 'saya sihat' dan sebagainya. Ucapan salam ini biasa digunakan dalam kehidupan harian pengguna Bahasa Melayu, terutamanya di Malaysia atau Indonesia. Mereka biasa akan menjabat tangan semasa bertanya salam.

Akan tetapi, kebanyakan pengguna Bahasa Melayu merupakan penganut Islam atau Muslim di Malaysia. Walaupun 'apa khabar' masih biasa digunakan, 'assalamualaikum' pula diucapkan di kalangan Muslim. Maksud 'assalamualaikum' ialah 'semoga Allah menyelamatkan dan memberikan kesejahteraan ke atas kamu'. Penjawab pula berkata 'wa alaikum salam'. Ucapan salam ini hanya digunakan di antara Muslim sahaja. Mereka akan bersalam 'apa khabar' dengan orang bukan Muslim.

如果要在見面時使用馬來語進行問候, 「apa khabar?」是最適合的用語。apa是疑問詞, 而khabar是「新聞」或「狀況」的意思。例如, surat khabar是指「含有新聞的信或印刷品」的意思, 即華語的「報紙」。因此, apa khabar可以做為詢問他人近況的問候語, 有「近來如何?」或「近來好嗎?」之意。

若要回應他人的問候, 通常會用「khabar baik」。「khabar baik」是「我的狀況很好」或「我很健康」的意思。這樣的問候方式通常出現在馬來語使用者的日常生活中, 尤其是在馬來西亞或印尼。他們在互相問候時握手。

不過, 在馬來西亞, 馬來語使用者多為伊斯蘭教徒(穆斯林)。雖然「apa khabar?」仍然通用, 但穆斯林之間通常使用「assalamualaikum」問候。「assalamualaikum」的意思是「願真主拯救與賜你平安」。回應者通常回答「wa alaikum salam(願你也平安)」。此問候語只限於穆斯林之間, 他們還是會對非穆斯林使用「apa khabar?」問候。◆